

Bil.(22) dlm. P.KEW.N.PK.D.R.50/1/4 -3



KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK BILANGAN 1 TAHUN 2014

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ),
Negeri Perak Darul Ridzuan.

PEMBAYARAN MELALUI AKAUN TRANSIT

1. TUJUAN

Tujuan surat pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memberi penjelasan dan garis panduan kepada semua PTJ mengenai prosedur pembayaran melalui akaun transit Bendahari Negeri di CIMB bank.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mulai 1 April 2014, pihak bank akan mengenakan caj proses cek dengan kadar RM 0.50 sen untuk setiap cek kepada pihak yang mengeluarkan cek.
- 2.2 Sejajar dengan itu, pejabat ini telah mengambil inisiatif mewujudkan Akaun Transit Panjar Bendahari Negeri (BN) Perak bagi mengurangkan pembayaran melalui cek oleh PTJ seterusnya dapat mengelakkan dari dikenakan caj oleh pihak bank.
- 2.3 Dengan adanya akaun transit ini, PTJ boleh menunaikan bayaran di kaunter bank tanpa perlu menggunakan cek.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Bagi tujuan ini, satu Akaun Transit Panjar di CIMB Jalan Sultan Idris Shah bernombor 8601912632 telah dibuka.
- 3.2 PTJ perlu menggunakan akaun transit ini apabila melibatkan pembayaran Panjar dan pembayaran yang melibatkan pengagihan wang tunai kepada penerima di bawah Arahan Perbendaharaan 96(a).
- 3.3 Sekiranya PTJ ingin menggunakan akaun transit ini selain daripada bayaran yang telah dinyatakan, PTJ perlu mendapatkan kebenaran dan kelulusan secara bertulis dari pejabat ini dengan menyatakan sebab-sebab mengapa perlu menggunakan akaun transit ini.
- 3.4 Akaun Transit Panjar ini tidak boleh menerima sebarang bentuk terimaan dari PTJ. PTJ perlu menggunakan akaun terimaan sedia ada sekiranya terdapat sebarang terimaan.

4. PANDUAN PENGGUNAAN AKAUN TRANSIT PANJAR

Panduan mengenai penggunaan Akaun Transit Panjar adalah seperti di **Lampiran A**.

5. TARIKH KUATKUASA

Surat pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(FUZIAH BT DERASA)

Bendahari Negeri,
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh: 19 Mac 2014

“KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI”

**PANDUAN PENGGUNAAN AKAUN TRANSIT PANJAR
BENDAHARI NEGERI PERAK
(CIMB BANK BERHAD)**

1. PENGENALAN

Panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk menjelaskan dengan terperinci mengenai tatacara dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam menggunakan Akaun Transit Panjar Bendahari Negeri (BN) Perak.

2. MAKLUMAT AKAUN BANK

- | | | | |
|-----|----------------------|------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2.1 | Nama Akaun | : | Akaun Transit Panjar BN Perak |
| 2.2 | No. Akaun | : | 8601912632 |
| 2.3 | Nama & Alamat Bank : | CIMB Bank Berhad | <p style="margin-left: 40px;">Pengurus
CIMB Bank Berhad
112, Jalan Sultan Idris Shah
30000, Ipoh</p> |

3. BAYARAN YANG BOLEH MENGGUNAKAN AKAUN TRANSIT PANJAR BN PERAK

- 3.1 Akaun Transit Panjar BN Perak hanya boleh digunakan bagi transaksi yang melibatkan bayaran atas nama Ketua Jabatan yang dihadkan kepada:
 - 3.1.1 Panjar Wang Runcit;
 - 3.1.2 Bayaran yang melibatkan pengagihan wang tunai kepada penerima (AP96)
- 3.2 Sekiranya PTJ ingin menggunakan akaun transit ini selain daripada bayaran yang telah dinyatakan seperti di atas, PTJ perlu mendapatkan kebenaran dan kelulusan secara bertulis dari pejabat BN Perak dengan menulis surat permohonan dan menyatakan sebab-sebab mengapa perlu menggunakan akaun transit ini.

4. TINDAKAN SEBELUM MENGGUNAKAN AKAUN TRANSIT PANJAR BN PERAK

- 4.1 PTJ perlu menghantar ke pejabat BN Perak dokumen-dokumen berikut dalam tiga (3) salinan:
 - 4.1.1 Borang Kuasa Tetap: Nama pegawai yang diberi kebenaran untuk mengesah dan memungut tunai di kaunter bank. Sila rujuk **Lampiran A-1**;
 - 4.1.2 Borang Maklumat Penerima Bayaran Akaun Transit Panjar BN Perak. Sila rujuk **Lampiran A-2**;
 - 4.1.3 Salinan kad pengenalan pegawai yang telah disahkan. Salinan tersebut hendaklah dikepalkan bersama setiap Borang Kuasa Tetap tersebut.
- 4.2 Tatacara pengisian borang-borang berkenaan adalah seperti di **Lampiran A-3**.

5. TATACARA PENGELUARAN WANG DARI AKAUN TRANSIT PANJAR BN PERAK

Wang boleh dikeluarkan dengan cara menuntut tunai berkenaan di kaunter CIMB Bank Berhad dimana-mana cawangan di seluruh Negeri Perak oleh pegawai yang diberi kebenaran seperti di Borang Kuasa Tetap. Panjar ini hanya boleh dituntut setelah semua proses Baucar Bayaran (BB) telah selesai. Pegawai berkenaan dikehendaki membawa **Kad Pengenalan** yang asal bersama **salah satu** daripada dua (2) dokumen berikut ke mana-mana cawangan CIMB Bank Berhad:

5.1 eMaklum (e-SPEKS)

Dokumen ini perlu disahkan terlebih dahulu oleh pegawai mengesah yang diberi kebenaran seperti di Borang Kuasa Tetap. Ianya boleh dicetak melalui eMaklum dengan melayari emaklum.perak.gov.my ataupun dengan melayari laman web <http://kewangan.perak.gov.my> dan memilih E-Maklum. Sila lihat **Lampiran A-7** untuk tatacara percetakan dokumen eMaklum (e-SPEKS). Contoh format eMaklum adalah seperti di **Lampiran A-7.1**.

5.2 Salinan BB

5.2.1 Dokumen ini hanya boleh digunakan sekiranya laman web eMaklum tidak berfungsi atau eMaklum gagal dicetak. Salinan BB tersebut hendaklah mendapat pengesahan terlebih dahulu daripada pejabat BN Perak. Ianya boleh dihantar untuk pengesahan selepas tiga (3) hari dari tarikh nombor *Electronic Fund Transfer (EFT)* dijana secara serahan tangan. Sila rujuk **Lampiran A-8** dan **Lampiran A-9** untuk tatacara lengkap BB. Contoh BB adalah seperti di **Lampiran A-8.1**.

5.2.2 PTJ perlu menyediakan dua (2) salinan BB. BB tersebut mestilah:

- (i) Dicop: Contoh cop yang perlu disediakan oleh PTJ adalah seperti berikut:

Disahkan bahawa, Nama; No.K/P diberi kebenaran untuk menerima tunai daripada pihak tuan bagi pihak jabatan.....

- (ii) Disahkan oleh pegawai yang diberi kebenaran untuk mengesahkan pembayaran dari Akaun Transit Panjar ini seperti mana di **Borang Kuasa Tetap**.

5.2.3 Bersama-sama ini disertakan **Senarai Kod Pemegang Panjar BN Perak** seperti di **Lampiran A-9** bagi rujukan pihak PTJ.

6. DAFTAR TUNAI WANG AKAUN TRANSIT PANJAR BN PERAK

PTJ dikehendaki menyediakan satu Daftar Tunai Wang Akaun Transit Panjar BN Perak bagi mengelakkan pengeluaran wang tunai melebihi sekali. Sila rujuk **Lampiran A-6** bagi format tersebut. Daftar ini perlu dikemaskini setiap kali pengeluaran wang di CIMB Bank Berhad berjaya dilakukan.

7. ARAHAN DAN KAWALAN DALAMAN BERKAITAN AKAUN TRANSIT PANJAR BN PERAK

- 7.1 Berdasarkan AP 96 (c), PTJ dikehendaki mengambil wang tunai di kaunter CIMB Bank Berhad dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh nombor *EFT* dijana. Sekiranya gagal dituntut dalam tempoh tersebut, bayaran berkaitan akan dibatal dari akaun transit ini. Seterusnya, PTJ perlu membuat tuntutan ke pejabat BN Perak bagi tujuan penggantian.
- 7.2 Sebarang pindaan, cubaan mencipta sendiri dokumen eMaklum, cubaan menunaikan wang dengan dokumen yang tidak sah dan cubaan untuk menunaikan lebih dari sekali adalah satu kesalahan yang **serius** dan menyalahi peraturan kewangan.
- 7.3 Sebarang dokumen yang tidak sama seperti contoh-contoh yang dikepilkhan akan ditolak oleh CIMB Bank Berhad.

7.4 Setiap kali berlakunya sebarang perubahan kepada pegawai yang diberi kebenaran sama ada dari segi mengesahkan mahupun menunaikan Akaun Transit Panjar BN Perak ataupun perubahan dari segi penerima dan jenis bayaran seperti di Lampiran A-2, PTJ dikehendaki menghantar ke pejabat BN Perak perkara-perkara seperti berikut:

- 7.4.1 Surat iringan ke pejabat BN untuk memaklumkan perubahan mengenai perkara ini.
- 7.4.2 Borang Kuasa Tetap seperti di **Lampiran A-4 dan A-5. Borang ini mestilah diisi** dengan maklumat pegawai baru dan juga pegawai lama yang masih diberi kuasa. Tatacara pengisian borang boleh dirujuk di **Lampiran A-3**.

8. PEGAWAI-PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan dengan Akaun Transit Panjar BN Perak, PTJ boleh menghubungi pegawai-pegawai seperti berikut di talian 05-209:

Nama	Unit	Sambungan
Pn. Sharifah Nor Iman Bt. Syed Zainal Rasidi	Penolong BN	5044
Pn. Khamariah Bt. Md Said	Pen. Akauntan / Akaun	5031
Pn. Rohayu Bt. Suhaimi	Pen. Akauntan / Semakan	5032
En. Roslan B. Che Re	KPT / Akaun	5041
Pn. Humaiyah Bt. Arshad	KPT / Bayaran	5039
Pn. Radiah Bt. Baharuddin	KPT / Gaji	5038
Pn. Suhaila Bt. Suhaimi	KPT / Semakan	5037

Lampiran A-1

Tarikh :

BORANG KUASA TETAP

Kepada : CIMB BANK BERHAD

Nama Akaun : AKAUN TRANSIT PANJAR

No. Akaun : 8601912632

Kebenaran diberi kepada Jabatan : JABATAN KERJA RAYA, CAWANGAN KINTA (F)

Nama pegawai-pegawai yang diberi kebenaran untuk menunaikan pembayaran dari Akaun Transit Panjar BN Perak adalah seperti di bawah:-

Nama Penuh	No. Kad Pengenalan	Jawatan	Contoh Tandatangan
AIRIF BIN IRMAN	780602-10-5231	PEN. JURUTERA (J29)	
INTAN BT A' ALAN	700404-08-8080	KETUA PEMB. TADBIR (N22)	
MAZ AYU BT HALIMI	801220-08-5284	PEMB. AKAUNTAN (W17)	

Nama pegawai-pegawai yang diberi kebenaran untuk mengesahkan pembayaran dari Akaun Transit Panjar BN Perak adalah seperti di bawah:-

Nama Penuh	No. Kad Pengenalan	Jawatan	Contoh Tandatangan
AIRIF BIN IRMAN	780602-10-5231	PEN. JURUTERA (J29)	
FARLINA BINTI FIQ'	740223-14-5038	JURUTERA (J41)	

Semua kebenaran-kebenaran sebelum ini adalah dibatalkan.

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Pengesahan Oleh

Pejabat Bendahari Negeri, Perak

.....
(Tandatangan Pegawai Bertanggungjawab)

.....
(Nama & Cop Jawatan Rasmi)

BORANG MAKLUMAT PENERIMA BAYARAN AKAUN TRANSIT PANJAR BN PERAK

BIL.	NAMA PENERIMA BAYARAN	KOD JAB. / KOD PTJ / NAMA JABATAN	JENIS BAYARAN

--	--	--	--

Contoh:-

BIL.	NAMA PENERIMA BAYARAN	KOD JAB. / KOD PTJ / NAMA JAB.	JENIS BAYARAN
1.	Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya, Cawangan Kinta (F)	0770 / 07070000 / Jabatan Kerja Raya, Cawangan Kinta (F)	Panjar Wang Runcit
2.	-sda-	-sda-	Bantuan

PEJABAT BENDAHARI NEGERI PERAK

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN KUASA TETAP AKAUN TRANSIT PANJAR BN
PERAK**

Bil.	Jenis Borang	Perkara Yang Perlu Diambil Perhatian
1.	Borang Kuasa Tetap	<p>Pastikan ruangan berikut dilengkapkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama Penuh (tepat mengikut Kad Pengenalan (K/P) • No. Kad Pengenalan • Jawatan • Contoh Tandatangan • Tandatangan Ketua Jabatan • Nama & Cop Jawatan Rasmi <p><i>Tiada sebarang had bilangan pegawai untuk mengesahkan dan menunaikan pembayaran dari Akaun Transit Panjar BN Perak.</i></p>
2.	Borang Maklumat Penerima Bayaran Akaun Transit Panjar BN Perak	<p>Pastikan ruangan berikut dilengkapkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama Penerima Bayaran • Kod Jab. / Kod PTJ / Nama Jabatan • Jenis Bayaran

3.	Salinan Kad Pengenalan	<p>Pastikan setiap penama di Borang Kuasa Tetap menyertakan salinan K/P yang telah disahkan. Salinan ini hendaklah dikepalkan bersama Borang Kuasa Tetap tersebut.</p> <p><i>Pastikan tiada pegawai yang mengesahkan salinan K/P sendiri.</i></p>

*Setiap permohonan hendaklah disediakan dalam **tiga (3) salinan. Satu (1)** salinan disimpan di pihak **PTJ** dan **dua (2) salinan** lagi hendaklah diserahkan kepada pejabat **BN**.

Sila pastikan setiap **contoh tandatangan adalah asal dan bukan salinan.

Tarikh :

BORANG KUASA TETAP

Kepada : CIMB BANK BERHAD
Nama Akaun : AKAUN TRANSIT PANJAR BENDAHARI NEGERI (BN)
PERAK
No. Akaun :
Kebenaran diberi kepada Jabatan :

Nama pegawai-pegawai yang diberi kebenaran untuk menunaikan pembayaran dari Akaun Transit Panjar BN Perak adalah seperti di bawah:-

Nama Penuh	No. Kad Pengenalan	Jawatan	Contoh Tandatangan
HARIDAH BT BASAR → Pegawai Baru	680831-08-4040	KETUA PEMB. TADBIR (N22)	
MAZ AYU BT HALIMI → Pegawai Lama	801220-08-5284	PEM. AKAUNTAN (W17)	

Nama pegawai-pegawai yang diberi kebenaran untuk mengesahkan pembayaran dari Akaun Transit Panjar BN Perak adalah seperti di bawah:-

Nama Penuh	No. Kad Pengenalan	Jawatan	Contoh Tandatangan
AIRIF BIN IRMAN Lama	→ Pegawai 780602-10-5231	PEN. JURUTERA (J29)	
FARLINA BINTI FIQ' Lama	→ Pegawai 740223-14-5038	JURUTERA (J41)	

Semua kebenaran-kebenaran sebelum ini adalah dibatalkan.

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Pengesahan Oleh

Pejabat Kewangan Negeri, Perak

.....
(Tandatangan Pegawai Bertanggungjawab)

.....
(Nama & Cop Jawatan Rasmii)

BORANG MAKLUMAT PENERIMA BAYARAN AKAUN TRANSIT PANJAR BN PERAK

BIL.	NAMA PENERIMA BAYARAN	KOD JAB. / KOD PTJ / NAMA JABATAN	JENIS BAYARAN

Contoh:-

BIL.	NAMA PENERIMA BAYARAN	KOD JAB. / KOD PTJ / NAMA JAB.	JENIS BAYARAN
1.	Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya, Cawangan Kinta (F)	0770 / 07070000 / Jabatan Kerja Raya, Cawangan Kinta (F)	Panjar Wang Runcit

Lampiran A-6

DAFTAR TUNAI WANG AKAUN TRANSIT BENDAHARI NEGERI (BN) PERAK

BIL.	NO. EFT	TARIKH NO. EFT	AMAUN (RM)	NO. BAUCAR BAYARAN	PERIHAL BAUCAR BAYARAN	NAMA PEGAWAI - MENUNAIKAN WANG	TARIKH TUNAI WANG	TANDATANGAN PEGAWAI - PENGESAH

CITARASA MADIANI ENTERPRISE

20.12.2013

Tuan/Puan,

PEKARA : MAKLUMAN PEMBAYARAN EFT

Sukacitanya dimaklumkan bahawa bayaran melalui Electronic Funds Transfer(EFT) ke dalam akaun tuan/puan telah pun dihantar ke bank untuk diproses dengan maklumat seperti berikut:

Jabatan	:	0040
Pusat Tanggungjawab	:	01010000 PEJABAT KEWANGAN & PERBELanjaHARAAN(PEG.KEW.NEGERI)
Nama Penerima	:	CITARASA MADIANI ENTERPRISE
No. KP / Daftar Sykt	:	IP0164830-P
No. Baucar Bayaran	:	V0002542
Amaun	:	RM 200.00
Perihal Bayaran	:	(INV: 7321) BYRN PENYEDIAN AIR MINUM SEMPENA TKLMT PGUMPULAN DATA 1SPEKS PD 13.12.13 PEJ KEW NG PK
No. Invois (Tarikh)	:	7321 (19.12.2013)
No. EFT(Tarikh)	:	A1166235 (20.12.2013)
Nama Bank	:	CIBBMYKL
No Akaun	:	08210002193058
Tarikh Bank Proses	:	23.12.2013
Tarikh Jangka Kredit Ke Akaun	:	24.12.2013

Sekian, terima kasih

Contoh Pegawai

t.t.

yang Mengesahkan
di Pihak PTJ: →

FARLINA BINTI FIQ'
Jurutera (J41)
Jabatan Kerja Raya
Cawangan Kinta (F)

Bendahari Negeri,
Pejabat Kewangan Negeri Perak

Ini adalah cetakan komputer. Tiada tandatangan diperlukan

CITARASA MADIAMI ENTERPRISE

20.12.2013

Tuan/Puan,

PEKARA : MAKLUMAN PEMBAYARAN EFT

Sukacitanya dimaklumkan bahawa bayaran melalui Electronic Funds Transfer(EFT) ke dalam akaun tuan/puan telah pun dihantar ke bank untuk diproses dengan maklumat seperti berikut:

Jabatan	:	0040
Pusat Tanggungjawab	:	01010000 PEJABAT KEWANGAN & PERBELanjaHARAAN(PEG.KEW.NEGERI)
Nama Penerima	:	CITARASA MADIAMI ENTERPRISE
No. KP / Daftar Sykt	:	IP0164830-P
No. Baucar Bayaran	:	V0002542
Amaun	:	RM 200.00
Perihal Bayaran	:	(INV: 7321) BYRN PENYEDIAAN AIR MINUM SEMPENA TKLMT PGUMPULAN DATA 1SPEKS PD 13.12.13 PEJ KEW NG PK 7321 (19.12.2013)
No. Invois (Tarikh)	:	A1166235 (20.12.2013)
No. EFT(Tarikh)	:	
Nama Bank	:	CIBBMYKL
No Akaun	:	08210002193058
Tarikh Bank Proses	:	23.12.2013
Tarikh Jangka Kredit Ke Akaun	:	24.12.2013

Sekian, terima kasih

Contoh Pegawai

t.t.

yang Mengesahkan
di Pihak PTJ: →

FARLINA BINTI FIQ'
Jurutera (J41)
Jabatan Kerja Raya
Cawangan Kinta (F)

Sekian, terima kasih

Bendahari Negeri,
Pejabat Kewangan Negeri Perak

Ini adalah cetakan komputer. Tiada tandatangan diperlukan

Lampiran A-8.1

KERAJAAN NEGERI PERAK BAUCAR BAYARAN					(Kew. 304E - Pin 1/09)
					Muka surat 1 / 1
Tahun Kewangan : 2014					
Jenis Urusniaga	Kod Pejabat Perakaunan	No. Baucar	Tarikh Baucar	AP 96(a)	AP 58(a)
120		V0000026	17/02/2014	N	N
Kod Jab.	0220	JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA			
Kod PTJ	01010000	Pejabat Perancang Bandar & Desa, Ipoh			

Nama Penerima	HOT DELIS CAFE					
No. KP / No.Daftar Sykt	IP0229542-U					
Alamat Penerima	BANGUNAN PERAK TECHNO TRADE CENTRE PTTC GROUND FLOOR, BANDAR MERU RAYA					
E-mel Penerima		No. HP		No. Faks		No. Gaji
Kod dan Nama Bank Penerima	RHBAMYKL	RHB ISLAMIC BANK BERHAD				
No. Akaun Bank Penerima	25804800003500	CARA BAYARAN			UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PERAKAUNAN SAHAJA	
Perihal Bayaran	3095567: BYRN MAKAN DAN MINUM BAGI MESY GERAK KERJA UNIT PERAKGIS BIL 2/2014 PD 11/2/14	Tandakan (X)	bilangan (Bil.)	No. EFT / Cek	Tarikh	
		EFT	X	A1188155	18/02/2014	
		Cek				
TT						

Pesanan			Invois Pembekal		
Tarikh	No. Rujukan	Amaun (RM)	Tarikh	No. Rujukan	Amaun (RM)
10/02/2014	L14143000027	48.00	10/02/2014	3095567	48.00
	Jumlah (RM)	48.00		Jumlah (RM)	48.00

PERBELANJAAN DIMAKLUMATKAN KIRA KE TAHAM AKAUN - AKAUN DI BAWAH										
Vot	Jab	PTJ	Program/ Aktiviti	Amanah	Projek	Sub Projek	CP	Objek	Amaun (RM)	Kod Kegunaan Jab.
B28	0220	01010000	320080					29401	48.00	
Jumlah Bersih (RM)									48.00	Jumlah Bil. Akaun Subsidiari
Amaun : RINGGIT MALAYSIA EMPAT PULUH Lapan SAHAJA										

t.t.

Contoh cop: →	Disahkan bahawa, Nama No K/P diberi kebenaran untuk mencirikan tunai daripada plihak tuan bagi plihak jabatan	Contoh Pegawai yang Mengesahkan di Pihak PTJ: →	FARLINA BINTI FIQ' Jurutera (J41) Jabatan Kerja Raya Cawangan Kinta (F)	Contoh Pegawai yang Mengesahkan di Pihak BN: →	ROHAYU BINTI SUHAIMI Penolong Akauntan b.p Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan
---------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------

t.t.

Penyedia	MEGAT MOHD AZLAN SHAH BIN MEGAT YUSOFF	AP 95 dipatuhi
Jawatan	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	Tarikh 17/02/2014
Semak	NORAINI BINTI ABDUL JALIL	AP 95, AP99 dan AP102 dipatuhi
Jawatan	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	Tarikh 17/02/2014
Lulus	NUR AZIMAH BINTI CHE HUSIN	AP 95, AP99 dan AP102 dipatuhi
Jawatan	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	Tarikh 17/02/2014
Dibatalkan		
Jawatan		Tarikh

No. Rujukan kelulusan BPKS(8.15) 248-10 SK.6 JLD 35(60)
Dokumen ini dicetak dari pangkalan data dan telah ditandatangani secara digital. Tandatangan secara manual tidak diperlukan

Tarikh :

BORANG KUASA TETAP

Kepada :

Nama Akaun :

No. Akaun :

Kebenaran diberi kepada Jabatan :

Nama pegawai-pegawai yang diberi kebenaran untuk menunaikan pembayaran dari Akaun Transit Panjar BN Perak adalah seperti di bawah:-

Nama Penuh	No. Kad Pengenalan	Jawatan	Contoh Tandatangan

Nama pegawai-pegawai yang diberi kebenaran untuk mengesahkan pembayaran dari Akaun Transit Panjar BN Perak adalah seperti di bawah:-

Nama Penuh	No. Kad Pengenalan	Jawatan	Contoh Tandatangan

Semua kebenaran-kebenaran sebelum ini adalah dibatalkan.

.....
 (Tandatangan Ketua Jabatan)

Pengesahan Oleh

Pejabat Bendahari Negeri, Perak

.....
 (Tandatangan Pegawai Bertanggungjawab)

.....
 (Nama & Cop Jawatan Rasmi)

BORANG MAKLUMAT PENERIMA BAYARAN AKAUN TRANSIT PANJAR BN PERAK

BIL.	NAMA PENERIMA BAYARAN	KOD JAB. / KOD PTJ / NAMA JABATAN	JENIS BAYARAN

Contoh:-

BIL.	NAMA PENERIMA BAYARAN	KOD JAB. / KOD PTJ / NAMA JAB.	JENIS BAYARAN
1.	Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya, Cawangan Kinta (F)	0770 / 07070000 / Jabatan Kerja Raya, Cawangan Kinta (F)	Panjar Wang Runcit
2.	-sda-	-sda-	Bantuan